

UMS Julung Kalinya Adakan Bengkel Penulisan Skrip Drama TV

Oleh Azri Johari

Kota Kinabalu, 13 Mei - Program Teknologi Seni Visual, Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat pertama kalinya telah menganjurkan satu Bengkel Penulisan Skrip Drama TV yang berlangsung pada 12 Mei 2015.

“Bengkel ini julung kalinya diadakan di UMS dan akan memberikan manfaat kepada semua peserta yang hadir kerana dengan adanya bengkel ini mampu melahirkan penulis skrip yang berkualiti dan mampu menandingi skrip-skrip filem yang dihasilkan oleh negara lain,” kata Pengarah Syarikat Mutiara Picture Sdn Bhd Asmarin Karabeska semasa merasmikan majlis penutupan bengkel penulisan skrip di Dewan Resital UMS.

Bengkel penulisan skrip drama TV ini dikendalikan oleh syarikat beliau yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang asas dalam penulisan skrip serta bagaimana menghasilkan penulisan skrip yang baik.

“Tujuan penganjuran bengkel penulisan skrip ini sebenarnya adalah untuk memperkenalkan asas penulisan skrip serta kami mahu melahirkan orang yang berkualiti dari segi penulisan skrip sebab kadang-kadang terdapat

orang yang buat skrip keluar daripada tajuk asal yang diberikan,” kata Nurul Iera Naziera George Abdullah, 21, pengarah bengkel penulisan skrip drama TV ketika ditembual.

Aktiviti program bengkel penulisan skrip ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ceramah, mengkaji filem dan bengkel iaitu pertandingan sinopsis skrip terbaik.

Dalam aktiviti ceramah Encik Asmarin memberikan pendedahan tentang asas dalam penulisan skrip serta cara penulisan sinopsis, isi dan penutup yang baik dalam sesebuah skrip.

Para pelajar juga diminta mengkaji filem “Selamat Pagi Cikgu” yang dihasilkan oleh pensyarah FKSJ dalam program Penghantar Pengurusan Seni Dr. Zairul Anuar Md. Dawam kerana filem ini mempunyai penulisan skrip yang baik sehingga menjadi filem pertama terbaik di Sabah.

Penganjuran bengkel penulisan skrip drama TV ini memberikan banyak kebaikan kepada pelajar kerana ilmu penulisan skrip ini bukan sesuatu yang mudah khususnya dalam menulis skrip tersebut, kata Nurul pada akhir kata.



Pengarah Mutiara Picture Encik Asmarin Bin Karabeska (tengah) bergambar dengan peserta Bengkel Penulisan Skrip Drama TV